

# KENYATAAN AKHBAR

## Lebih 50 penggiat industri Melaka sokong CITP

**MELAKA, 19 Oktober** : Lebih daripada 50 penggiat industri di Negeri Melaka tampil memberi komitmen untuk mencapai inisiatif-inisiatif memperkasa industri pembinaan yang diketengahkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menerusi *Construction Industry Transformation Programme (CITP)*.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri (Dr) Ir Hj. Idris Hj Haron berkata, sejajar dengan slogan Melaka Bandar Teknologi Hijau, CITP dilihat begitu signifikan dengan misi dan visi kerajaan negeri untuk membawa Melaka kembali ke zaman kegemilangannya menerusi penerapan nilai-nilai kelestarian di dalam pembangunan ekonominya.

“Saya berasa amat bangga hari ini, kerana kita akan menyaksikan penyertaan paling ramai daripada penggiat industri di negeri Melaka yang tampil memberi komitmen untuk mencapai objektif-objektif CITP sejak ia dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 September lepas.

“Inilah semangat perpaduan anak negeri Melaka yang sentiasa bersedia menyahut cabaran dan menggarap apa sahaja program yang memberi kebaikan dan manfaat kepada pembangunan negeri ini. Semangat sebegini adalah sangat bersesuaian sekali dengan slogan yang selalu saya perkatakan *Don't Mess with Melaka*,” katanya.

Beliau berkata demikian, ketika berucap Sempena Program CIDB dan Penggiat Industri Pembinaan Bersama Y.A.B Ketua Menteri Melaka dan Majlis Menandatangani Akujanji CITP Peringkat Negeri Melaka di Hotel Hatten hari ini.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Exco Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Melaka, Dato' Wira Hj Abdul Ghafaar Atan; Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim dan Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan CIDB, Ir Elias Ismail.

CITP adalah pelan pelaksanaan komprehensif industri pembinaan yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), bermatlamat untuk

mewujudkan pembinaan industri yang berterusan di negara ini sekaligus mampu bersaing di arena antarabangsa.

Terdapat 18 inisiatif daripada empat teras strategik utama CITP telah diperkenalkan untuk tempoh lima tahun terakhir sebelum negara melangkah ke tahun 2020 iaitu;

1. Kualiti Keselamatan dan Profesionalisme (QSP)
2. Kemapanan Alam Sekitar
3. Produktiviti
4. Pengantarabangsaan.

Jelas Datuk Seri (Dr) Ir Hj. Idris, Majlis Menandatangani Akujanji pada hari ini merupakan titik permulaan kepada satu komitmen yang berterusan daripada penggiat industri negeri Melaka.

“Oleh yang demikian, saya menggesa kesemua penggiat industri serta agensi-agensi kerajaan negeri supaya bersungguh-sungguh dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti yang digariskan di dalam CITP bagi memastikan industri pembinaan di negeri ini menjadi *‘role model’* kepada negeri-negeri lain di seluruh negara.

“Di masa hadapan, saya ingin melihat industri pembinaan di negeri Melaka menjadi contoh amalan terbaik untuk aktiviti-aktiviti pembinaan yang lebih selamat, lestari, produktif dan berdaya saing,” jelasnya.

Penggiat industri lain yang berminat untuk menyumbang kepada memperkasakan industri pembinaan menerusi CITP bolehlah menghubungi CIDB Malaysia di talian **03 4047 7216 / 7140** atau email ke **[pmo@cidb.gov.my](mailto:pmo@cidb.gov.my)** atau melayari laman web rasmi CITP di **[www.citp.my](http://www.citp.my)** untuk maklumat lanjut.

\*\*\*\*

---

## Mengenai CIDB

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rakis Santa : [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my) 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my) 03-4047 7027 / 019-285 6867